



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2011

PROSEDUR PENGETAHUAN KAYU:

- i) **KAYU HUTAN BERKUANTITI KECIL DAN KAYU POKOK TANAMAN BUAH-BUAHAN / PERTANIAN DARI KAWASAN TANAH BERIMILIK**
 - ii) **KAYU DARI POKOK TEPI JALAN / LEBUHRAYA DAN DALAM KAWASAN TAMAN**
-

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Prosedur ini dikeluarkan bertujuan menjelaskan prosedur permohonan Lesen Pemindah (Borang 5) untuk mengeluarkan kayu hutan berkuantiti kecil dan kayu pokok tanaman buah-buaian / pertanian dari kawasan tanah berimilik
- 1.2 Prosedur ini juga digunakan untuk permohonan Lesen Kecil (Borang 3) bagi mengambil kayu dari kawasan-kawasan di tepi jalan / lebuhraya dan dalam kawasan taman di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemegang konsesi dan syarikat-syarikat perumahan.
- 1.3 Permohonan Lesen Pemindah (Borang 5) dan Lesen Kecil (Borang 3) **seperti** yang dinyatakan di atas perlulah dikemukakan oleh Pegawai Hutan Daerah bagi mendapatkan kelulusan Pengarah Perhutanan Negeri.

- 1.4 "Tanah Berimilik" yang dimaksudkan dalam prosedur ini adalah merujuk kepada tanah tertentu yang disebutkan dalam Seksyen 40 APN (1984) .
- 1.5 "Pokok Tanaman Buah-buahan / Pertanian" bermaksud kayu daripada pokok tanaman buah-buahan / pertanian seperti yang tersenarai di Lampiran A dari tanah berimilik.

2.0 PERLAKSANAAN PROSEDUR

- 2.1 Mengikut Seksyen 28 dan 41 APN 1984, kelulusan pengeluaran Lesen Pemindah (Borang 5) dan Lesen Kecil (Borang 3) adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri.
- 2.2 Prosedur ini hanya dapat digunakan dan dilaksanakan tertakluk kepada persetujuan dari Pihak Berkuasa Negeri bagi mewakilkan kuasa meluluskan kepada Pengarah Perhutanan Negeri melalui warta perwakilan kuasa mengikut Seksyen 6, APN 1984.

3.0 PROSES PERMOHONAN LESEN

- 3.1 Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Hutan Daerah menggunakan Borang JH xx/2010 sepetimana Lampiran B.
- 3.2 Borang permohonan hendaklah disertakan bersama dokumen berikut;
 - i. Salinan surat hakmilik / geran hakmilik tanah yang disahkan oleh Pentadbir Tanah;
 - ii. Salinan kad pengenalan pemilik atau salinan pendaftaran syarikat / perniagaan (SSM, Borang 49) yang disahkan;
 - iii. Salinan kad pengenalan pemohon yang disahkan;
 - iv. Surat kebenaran dari Pihak Berkuasa Tempatan / Pemilik Konsesi (jika berkenaan); dan
 - v. Bagi permohonan yang bukan pemilik tanah, hendaklah disertakan bersama surat akuan / kebenaran daripada tuan tanah yang ditandatangani di hadapan Majistret / Pesuruhjaya Sumpah / Pentadbir Tanah Daerah sepetimana Lampiran C.

- 3.3 Pegawai Hutan Daerah hendaklah membuat semakan dokumen dan laporan bancian isipadu bagi mengklasifikasikan status permohonan untuk dipertimbangkan seperti berikut:
- 3.3.1 Bagi permohonan yang memenuhi klasifikasi seperti berikut;
- pengeluaran **kayu spesies hutan** tidak melebihi 70 meter padu,
 - pengeluaran pokok tanaman buah-buahan / pertanian seperti senarai di Lampiran A dari tanah berimilik; dan
 - pokok-pokok landskap di jalan / lebuhraya / dalam kawasan taman,
- proses pengeluaran lesen diper mudahkan di mana Pegawai Hutan Daerah akan menyediakan laporan dan dokumen lesen yang berkaitan untuk mendapat pertimbangan oleh Pengarah Perhutanan Negeri.
- 3.3.2 Bagi permohonan pengeluaran kayu hutan dari tanah berimilik, yang melebihi 70 meter padu, permohonan akan diproses oleh Pegawai Hutan Daerah dan dikemukakan untuk kelulusan di peringkat Pengarah Perhutanan Negeri.
- 3.3.3 Bagi permohonan pengeluaran kayu hutan dari tepi jalan / lebuhraya dan dalam kawasan taman yang melebihi 70 meter padu perlu diproses mengikut prosedur Lesen Mengambil Hasil Hutan (Borang 1).
- 3.4 Pengarah Perhutanan Negeri akan mengedarkan Lesen Pemindah (Borang 5) atau Lesen Kecil (Borang 3) yang telah ditandatangani kepada Pegawai Hutan Daerah setelah semua bayaran yang ditetapkan dijelaskan bagi perkara 3.3.1.
- 3.5 Manakala bagi perkara 3.3.2 dokumen lesen hanya akan disediakan oleh Pegawai Hutan Daerah setelah mendapat surat kelulusan daripada Pengarah Perhutanan Negeri.
- 3.6 Carta aliran proses pengeluaran Lesen Pemindah (Borang 5) dan Lesen Kecil (Borang 3) mengikut prosedur ini adalah masing-masing seperti di Lampiran D dan Lampiran E. Senarai semak bagi memastikan prosedur ini dipatuhi dan lengkap adalah seperti di Lampiran F.

4.0 BAYARAN FEE DAN DEPOSIT

- 4.1 Pemohon akan dikenakan bayaran fee lesen, tukul tanda pengelasan dan bayaran-bayaran lain mengikut kadar yang ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri.
- 4.2 Tiada deposit lesen dikenakan bagi Lesen Pemindah (Borang 5) dan Lesen Kecil (Borang 3) untuk pengeluaran kayu di bawah klasifikasi permohonan di para 3.3.1.
- 4.3 Bagi pengeluaran kayu melebihi 70 meter padu, suatu deposit lesen akan dikenakan dengan jumlah sekurang-kurangnya **RM1,000.00** atau mengikut ketetapan Pengarah Perhutanan Negeri.
- 4.4 Walaupun begitu tidak menjadi apa-apa halangan kepada Pengarah Perhutanan Negeri untuk menetapkan sejumlah deposit yang wajar bagi mana-mana klasifikasi permohonan dalam prosedur ini sekiranya mempunyai risiko berlakunya kes kesalahan hutan sebagai contoh kawasan yang berhampiran dengan HSK atau Tanah Kerajaan.

5.0 TEMPOH LESEN

Tempoh, syarat dan sebagainya bagi Lesen Kecil adalah mengikut Seksyen 30, APN 1984 manakala bagi Lesen Pemindah mengikut Seksyen 43, APN 1984.

6.0 SEMPADAN LESEN

- 6.1 Bagi pengeluaran kayu dibawah diklasifikasi 3.3.1 iaitu yang tidak melebihi 70 meter padu; pokok buah-buahan / pertanian dan pokok landskap di tepi jalan / lebuh raya / dalam kawasan taman, sempadan kawasan lesen adalah mengikut sempadan yang ditetapkan di dalam surat hakmilik / geran tanah berimilik berkenaan atau surat kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan atau pemilik konsesi. Penyediaan sempadan lesen adalah memadai dengan semakan batu sempadan tanah berimilik atau pelan kelarian lebuhraya / jalan / pelan taman yang berkenaan sahaja dan tidak memerlukan penandaan sempadan di lapangan.

- 6.2 Manakala bagi pengeluaran hasil hutan bagi kawasan melebihi 70 meter padu, pengesahan sempadan di lapangan perlu dibuat berasaskan sempadan yang telah ditetapkan di dalam pelan / surat hakmilik / geran tanah berimilik atau pelan kelarian lebuhraya / jalan / pelan taman.

7.0 LAIN-LAIN PROSEDUR ATAU KAE DAH

Lain-lain prosedur / kaedah berkaitan dengan penyediaan Lesen Pemindah (Borang 5) dan Lesen Kecil (Borang 3) yang berkuatkuasa adalah juga terpakai untuk tujuan pelesenan ini.

8.0 PELAKSANAAN

Prosedur ini adalah tambahan kepada peruntukan berhubung dengan mana-mana perlaksanaan Akta Perhutanan Negara 1984 dan Kaedah-kaedah Hutan atau arahan bertulis Pengarah Perhutanan Negeri berkaitan dengan proses perlesenan bagi Lesen Pemindah (Borang 5) dan Lesen Kecil (Borang 3).

9.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa secara percubaan selama enam (6) bulan bermula pada **1 Julai, 2011** bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"SAYANGI HUTAN"

"1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

(DATO' RAZANI BIN UJANG)

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh: Jun, 2011

Lampiran A

**Senarai Pokok Tanaman Buah-Buahan/ Pertanian Yang Dimaksudkan Di Dalam
Prosedur KPPSM Bil. xx/2010**

1. Asam Gelugor,
2. Asam Jawa,
3. Asam Kubang,
4. Bacang,
5. Binjai,
6. Cempedak,
7. Ciku,
8. Dokong,
9. Duku,
10. Durian;
11. Jambu Air,
12. Jambu Batu,
13. Jambu Bol,
14. Jering,
15. Kedondong,
16. Kerdas,
17. Kuini,
18. Kundang;
19. Langsat,
20. Mangga,
21. Manggis,
22. Mata Kucing,
23. Mempelam,
24. Nangka,
25. Palma,
26. Petai,
27. Pulasan,
28. Putat,
29. Rambai,
30. Rambutan,
31. Sentul,
32. Sukun,
33. Tampoi,
34. Pokok buah-buahan lain yang diperakui oleh Jabatan Perhutanan Negeri

Lampiran B

Borang JH xx/2010

JABATAN PERHUTANAN NEGERI _____
[PERMOHONAN MENGELOUARKAN KAYU (LESEN PEMINDAH / LESEN KECIL)]

Pegawai Hutan Daerah,

Tuan,

Dengan segala hormatnya sayaNo.

Kad Pengenalan/No.

Pendaftaran Perniagaan.....engan ini ingin memohon untuk mendapatkan Lesen Pemindah (Borang 5) / Lesen Kecil (Borang 3) bagi mengeluarkan hasil KAYU HUTAN / KAYU DARI POKOK TANAMAN BUAH BUAHAN / PERTANIAN / HASIL HUTAN KECIL / KAYU DARI POKOK LANDSKAP di dalam tanah berimilik / tepi jalan / lebuhraya dan dalam taman di lot seperti di berikut;

Bil.	Nama dan Alamat Pemilik Tanah	No. Pengenalan	Kad	Butir-butir berkaitan Tanah Milik			
				Mukim	No. Lot	No. Hakmilik	Luas (Hektar)

2. Bersama-sama ini disertakan dokumen berikut;

- i. Salinan surat hakmilik / geran hakmilik tanah yang disahkan oleh Pentadbir Tanah;
- ii. Salinan Kad Pengenalan pemohon, pemilik tanah atau salinan pendaftaran syarikat / perniagaan (SSM, Borang 49) yang disahkan; dan
- iii. Surat akuan kebenaran daripada tuan tanah yang ditandatangani di hadapan Majistret / Pesuruhjaya Sumpah / Pentadbir Tanah Daerah (bagi permohonan yang bukan pemilik tanah).

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Nama :
Alamat :
No. Telefon :
Tarikh :

Lampiran C

SURAT AKUAN

(hendaklah diisi oleh setiap penama di dalam geran hakmilik)

Saya

.....No. K/P dengan sesungguhnya dan sebenarnya
mengaku bahawa saya yang beralamat

..... adalah pemilik tuan tanah* dengan nombor lot
..... H.S.M/ H.S.D

..... Mukim.....
Daerah..... Negeri.....

Dengan ini saya memberi kebenaran kepada pengusaha (Nama / Syarikat)
..... (No. K/P / Daftar Syarikat)
..... untuk mengambil dan mengeluarkan hasil kayu di
tanah tersebut dengan segala kos di tanggung oleh pengusaha.

Saya tidak akan mengemukakan sebarang tuntutan terhadap pengusaha
berdasarkan akuan di atas. Saya membuat surat akuan ini dengan kepercayaan
bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Undang-
undang Surat Akuan 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas
iaitu

.....
(Tandatangan)

Di:

Negeri:


Pada: haribulan tahun

Di hadapan saya,

.....
(Tandatangan Majistret, Pentadbir Tanah Daerah atau Pesuruhjaya Sumpah)


*Bagi tanah berimilik perbadanan/ syarikat/ koperasi/ pertubuhan dan yang berkaitan
maka kebenaran kepada seorang penama Ahli Lembaga Pengarah perlu
disertakan.

Carta Aliran
Prosedur Kelulusan Lesen Memindah (Borang 5) Pengeluaran Kayu Hutan
Berkuantiti Kecil Dan Kayu Pokok Tanaman Buah-Buahan / Pertanian Dari
Kawasan Tanah Berimilik



Lampiran E

Carta Aliran Prosedur Kelulusan Lesen Kecil (Borang 3) Pengeluaran Kayu Dari Pokok Tepi Jalan / Lebuhraya Dan Dalam Kawasan Taman



Lampiran F

Senarai Semak

Prosedur Pengeluaran Kayu Hutan Berkuantiti Kecil, Kayu Dari Pokok Tanaman Buah Buahan / Pertanian Dan Hasil Hutan Kecil Dari Tanah Berimilik, Tepi Lebuhraya, Tepi Jalan Dan Dalam Taman

- Surat permohonan
- Borang yang diisi lengkap (Borang JH xx/2010)
- Salinan hak milik (setiap lot)
- Salinan carian rasmi hak milik (setiap lot)
- Pelan lokasi dan permohonan yang disahkan oleh Pejabat Tanah
- Salinan Kad Pengenalan setiap pemilik (tuan tanah)
- Salinan Kad Pengenalan pemohon (jika persendirian)
- Salinan sijil pendaftaran syarikat (jika syarikat)
- Salinan pendaftaran membalak (Borang G(1))
- Surat akuan (Lampiran C) / Surat kebenaran daripada pemegang konsesi